

16/01/2003

Pemimpin Pas aniaya penyokong sendiri: PM

Kadir Dikoh; Veena Rusli

KOTA BHARU: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata pemimpin Pas menganiaya

penyokong parti itu dengan menyuruh pengikutnya mendaftar anak di sekolah

agama rakyat (SAR), sedangkan anak mereka sendiri dihantar ke sekolah kebangsaan (SK).

"Anak wakil rakyat Pas pun masuk SK, jadi dia nayalah budak-budak ni suruh pergi SAR sehingga agama mereka pun dah tak berapa betul dah," kata

Perdana Menteri selepas majlis Perhimpunan Bersama Rakyat di padang Maktab

Sultan Ismail di sini, semalam.

Mengulas sikap segelintir guru SAR yang didakwa menjanjikan balasan syurga jika pelajar tidak berpindah ke SK, beliau berkata tindakan itu adalah satu pembohongan besar.

"Saya nak tanya, orang yang kata tu dia dah pernah pergi syurga ke dan adakah dia pernah tengok orang masuk syurga... inilah pembohongan yang dahsyat, undi parti pun konon boleh masuk syurga.

"Saya cerita kepada orang asing dan orang Islam lain, mereka ketawa dan

memberitahu tiada manusia boleh menentukan sama ada mereka akan ke syurga

atau neraka," katanya.

Mengenai sukatan mata pelajaran agama di SK, Perdana Menteri berkata, ia

akan dikaji bagi menentukan sama ada kandungan sedia ada sudah memadai atau perlu dipertingkat.

Beliau menegaskan, ilmu asas mengenai agama Islam yang disediakan di sekolah rendah dan menengah aliran kebangsaan bertujuan membolehkan pelajar meneruskan kecenderungan mereka ke peringkat lebih tinggi.

"Kita sedar bahawa di sekolah rendah dan menengah, kita bukan nak jadikan pelajar sebagai ulama (tetapi) nak bagi asas ilmu pengetahuan berkaitan agama Islam.

"Ini supaya kalau mereka minat meneruskan pelajaran dalam bidang agama di universiti, mereka boleh berbuat demikian, tapi kalau dia nak memasuki

bidang lain, tak mengapa... kita cuma bagi asas yang cukup," katanya.

Terdahulu ketika berucap di hadapan lebih 20,000 hadirin, Dr Mahathir berkata, kerajaan pada awalnya menyokong penubuhan SAR dan turut memberi bantuan sebelum mendapati ia sebenarnya lebih banyak mengajar politik.

"Kita dapati kanak-kanak dari SAR semuanya benci kepada orang Islam yang

lain sedangkan agama mengajar kita bahawa orang Islam itu adalah bersaudara.

"Kerajaan Barisan Nasional (BN) tak mahu tanggung dosa. SAR boleh mengajar agama, tetapi jangan ajar yang bertentangan dengan Islam.

Mereka

mesti ajar kanak-kanak ini supaya berterima kasih kepada orang yang beri

bantuan dan membolehkan mereka belajar di sekolah agama.

"Sebaliknya, dia ajar di sekolah panggil orang lain, Firaun... bukan suruh terima kasih bagi bantuan, tetapi maki orang. Apakah ini ajaran agama Islam, sedangkan kita disuruh bersyukur," katanya.

Sementara itu, Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat tidak berhasrat untuk meminda Perlembagaan Persekutuan bagi menarik balik kuasa kerajaan negeri dalam soal agama.

Dr Mahathir berkata, Perlembagaan Persekutuan tidak perlu dipinda untuk

memberi kuasa pembatal Kerajaan Pusat ke atas negeri dalam soal agama.

"Ini kerana kita dapat kerjasama daripada sultan, apa perlu kita nak pinda," katanya.

Beliau ditanya sama ada perlu Perlembagaan Persekutuan dipinda bagi memastikan segala ketetapan Kerajaan Pusat seperti usaha untuk menyeragamkan undang-undang syariah, dilaksanakan di peringkat negeri.

Ini kerana usaha menyeragamkan perundangan itu akan terbantut selagi negeri tidak bersetuju untukewartakan serta melaksanakannya.

Kelmarin, Dr Mahathir mengarahkan kerajaan negeri segeraewartakan undang-undang keluarga Islam bagi menyelesaikan dakwaan berlaku perundangan Islam tidak seragam, termasuk mengenai poligami.

Beliau berkata soal penyeragaman sebenarnya tidak timbul, malah sudah dianggap selesai kerana undang-undang berkenaan diterima oleh Majlis Raja-Raja.